


# Lelaki mengaku angkut empat migran warga Indonesia dipenjara dua tahun

**KUCHING:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara dua tahun terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah mengangkut empat lelaki warga Indonesia yang diseludup di Bau pada April 2025.

Hakim Wong Siong Tung menjatuhkan hukuman itu terhadap Kong Siew Soon, 43, yang didakwa mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dan dihukum di bawah akta sama.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh didenda sehingga RM250,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh yang bertindak sebagai pemandu sebuah kereta didakwa telah mengangkut empat migran warga Indonesia yang diseludup sekitar jam 2.32 petang di tempat letak kereta berhadapan



**MENGAKU BERSALAH:** Tertuduh (kanan) bersama pegawai imigresen di hadapan kamar Mahkamah Tinggi Kuching semalam setelah dijatuhkan hukuman.

sebuah premis makanan di Jalan Datuk Salau, Bau pada 19 April 2025.

Mengikut keterangan kes, sepasukan penguat kuasa melaksanakan Ops Serkap pada hari kejadian dan memeriksa sebuah kereta di alamat tersebut.

Hasil pemeriksaan men-

dapati kenderaan berkenaan dipandu oleh tertuduh dan membawa empat migran lelaki yang disyaki warganegara Indonesia iaitu Marhun, 40, Suhun, 43, Lukmanul Hakim, 45, dan Anis, 52.

Pemeriksaan lanjut mendapati semakan dengan Jabatan Imigresen Malaysia

mendapati tiada rekod ke-masukan terkini ke Malaysia melibatkan empat pendatang yang diseludup tersebut.

Susulan itu, Marhun, Suhun, Lukmanul Hakim dan Anis masing-masing telah didakwa mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 atas kesalahan masuk dan tinggal di Malaysia tanpa dokumen perjalanan sah.

Kesemua lelaki terbabit mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan mahkamah kemudiannya menjatuhkan hukuman sewajarnya.

Sementara itu, tertuduh pula didapati telah terlibat dengan perbuatan mengangkut pendatang yang diseludup dan melakukan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen Seksyen 26J ATIPSOM 2007.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kong Siew Chuo, sementara tertuduh diwakili peguam CM Sundram.